

Profesional Bumiputera perlu platform interaksi

BH 28 FEB 2000

SATU platform atau mekanisme bagi menggabungkan tenaga profesional Bumiputera untuk mereka berinteraksi sesama sendiri perlu diwujudkan, kata penaung Jawatankuasa Induk Kongres Profesional Muda Melayu (KPPM) 2000, Datuk Mustapa Mohamad.

Dengan adanya platform sebegini memudahkan profesional Bumiputera berinteraksi dengan pihak swasta atau kerajaan dan sebaliknya.

“Saya rasa banyak yang boleh kita capai melalui interaksi biasa. Ini perlu supaya jika ada unjuran daripada kerajaan atau pihak lain dapat kita suntikkan kepada mereka,” katanya selepas perasmian KPPM 2000 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, kelmarin.

Mustapa yang juga Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan berkata, beliau kerap mengadakan pertemuan dengan golongan profesional muda dan diharap selepas kongres itu satu platform kekal untuk mereka berinteraksi akan terhasil.

KPPM 2000 yang berlangsung selama dua hari dianjurkan Ansara atau Persatuan Bekas Pelajar MRSM (Maktab Rendah Sains Mara) Malaysia yang dipengerusikan oleh Mukhriz Mahathir.

Tema kongres itu pada kali ini ialah Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi (ekonomi yang berdasarkan ilmu pengetahuan).

Mustapa berkata, baru-baru ini ad profesional Bumiputera yang mempertikaikan beberapa pendekatan kerajaan walhal mereka adalah produk Dasar Ekonomi Baru (DEB).